



Soalan Lazim (FAQ) Mengenai HASiLearn

A. PENGENALAN

1. Apakah HASiLearn?

HASiLearn adalah sistem e-Pembelajaran yang mengurus pembelajaran kursus secara elektronik, mengesan hasil pembelajaran peserta kursus, menguji tahap pembelajaran peserta kursus melalui kuiz dan tugas, interaksi antara pensyarah bersama peserta dan kemudahan bagi pengurusan untuk menguruskan kursus secara dalam talian.

2. Bagaimanakah cara untuk mengakses kepada HASiLearn?

- Capaian kepada HASiLearn adalah melalui <https://haslearn.hasil.gov.my>
- HASiLearn boleh diakses melalui komputer di premis LHDNM dan capaian dari luar premis LHDNM boleh dibuat menggunakan komputer atau gajet yang mempunyai akses kepada internet.

3. Adakah HASiLearn hanya boleh diakses menggunakan internet dalaman LHDNM sahaja?

Tidak. Selain internet dalaman LHDNM, HASiLearn boleh diakses dari luar premis LHDNM menggunakan komputer atau gajet yang mempunyai akses kepada internet di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

4. Siapakah pengguna HASiLearn dan bolehkah ID HasiLearn didaftarkan kepada pengguna selain pegawai LHDNM?

Boleh. Pengguna HASiLearn adalah terdiri daripada pegawai LHDNM dan pengguna selain pegawai LHDNM.

B. PENDAFTARAN DAN KATA LALUAN

5. Bagaimanakah cara untuk mendaftar dan mendapatkan ID HASiLearn?


- Terdapat 2 cara ID diberikan.
 1. Didaftarkan secara automatik berdasarkan integrasi maklumat pegawai bersama Sistem Pengurusan Insan (SPI)
 2. Daftar secara *self-registration* pada sistem (<https://haslearn.hasil.gov.my/>) iaitu pada pautan "*create new account*". Peserta kursus selain pegawai LHDNM perlu membuat pendaftaran baru di HASiLearn untuk memperolehi ID HASiLearn.

6. Saya pegawai yang telah lama berkhidmat, saya tidak pernah menggunakan HASiLearn. Adakah ID HASiLearn saya telah wujud?


- Pegawai yang telah lama berkhidmat (sehingga 31 Disember 2021) telah didaftarkan di dalam HASiLearn. Untuk pengesahan boleh kemukakan semakan kepada Meja Bantuan e-Pembelajaran melalui Sistem Meja Bantuan Bersepadu.

7. Adakah saya dibolehkan untuk menukar kata laluan?

- Boleh. Penukaran kata laluan boleh dibuat pada menu *Preferences* > *Change Password*.




8. Bagaimanakah sekiranya terlupa kata laluan?

A screenshot of the login page. It features a 'Username' input field, a 'Password' input field, and a checkbox labeled 'Remember username'. A blue 'Log in' button is positioned below the input fields. To the right of the input fields, there is a link that says 'Forgotten your username or password?'. Below this link, a message states 'Cookies must be enabled in your browser' with a small blue question mark icon.

- Pengguna boleh *reset* semula kata laluan pada menu "*Forgotten your username or password?*" dan masukkan alamat emel pejabat yang telah didaftarkan di dalam HasiLearn untuk tujuan penghantaran kata laluan.
- Pengguna juga boleh memaklumkan kepada Pentadbir Sistem dengan membuat aduan kepada Meja Bantuan e-Pembelajaran melalui Sistem Meja Bantuan Bersepadu.

9. Adakah terdapat manual penggunaan sistem HASiLearn?

- Ya. Manual pengguna sistem HASiLearn disediakan untuk membantu pengguna baharu menyesuaikan diri dengan sistem HASiLearn. Manual tersebut boleh didapati di ruangan *Home*



Manual Pengguna ePembelajaran LHDNM

C. eKANDUNGAN

10. Bagaimanakah proses pembangunan eKandungan dilakukan?


- Pembangunan eKandungan dilakukan menggunakan perisian alat pengarang (authoring tools). Alat pengarang yang digunakan ialah iSpring. iSpring adalah *plugin* yang dipasang (install) pada perisian Microsoft PowerPoint.
- Proses penyuntingan dilakukan menggunakan Microsoft PowerPoint. Setelah selesai, eKandungan perlu melalui proses SCORM untuk dimuat naik ke dalam system HASiLearn.

11. Apakah itu SCORM?

- Shareable Content Object Reference Model (SCORM) adalah merupakan sebuah mekanisme dalam penyelenggaraan kegiatan pembelajaran digital HASiLearn.

12. Apakah perbezaan antara *eContent* dan *Notes* di ruangan *module* sistem HASiLearn?

- *eContent* atau eKandungan adalah satu bentuk bahan pembelajaran interaktif yang mempunyai *player*, suara (voice over), animasi dan juga video. Manakala *Notes* adalah fail dalam format .PDF, Word atau PowerPoint.



Contoh paparan eContent

13. Berapakah had saiz muat naik eKandungan oleh pensyarah ke dalam HASiLearn?

- Had saiz eKandungan yang boleh dimuat naik ke dalam HASiLearn adalah tidak melebihi 100MB.
- Sekiranya melebihi 100MB (selain fail video), pengguna perlu memaklumkan kepada pihak PLTM melalui panggilan telefon atau membuat aduan kepada Meja Bantuan e-Pembelajaran melalui Sistem Meja Bantuan Bersepadu untuk tindakan bantuan sekiranya terdapat ralat.

14. Apakah jenis fail bagi Nota yang boleh dimuat naik ke dalam HASiLearn?

- Jenis fail yang dibenarkan untuk dimuat naik ke dalam HASiLearn adalah di dalam format PDF, .PPTX (PowerPoint) dan .DOCX (Word)

15. Bolehkah saya memuat naik fail video ke dalam HASiLearn?

- Boleh. Jika saiz video yang disertakan di dalam eKandungan melebihi 100MB, video tersebut perlu di muat naik ke laman Youtube Arena Hasil. Capaian kepada video tersebut akan dijana dan *embedded* di dalam eKandungan HASiLearn.

16. Apakah yang akan terjadi sekiranya eKandungan yang dimuat naik terlalu panjang?

- Jika eKandungan yang dimuat naik terlalu panjang, ia akan mengambil masa yang lama untuk dipaparkan. Oleh itu, dicadangkan supaya pembangunan eKandungan dibuat secara ringkas dan padat.
- Selalunya informasi yang berlebihan akan menjadi halangan kepada e-pembelajaran (O;Connor, et al., 2003)
- Untuk panduan kepada pensyarah membangunkan eKandungan dan nota kursus, dilampirkan contoh eKandungan yang telah dibangunkan oleh Open University Malaysia (OUM).

Contoh Video eKandungan	eKandungan OUM
Contoh Nota Kursus	Nota OUM

- Berdasarkan video dan nota yang dilampirkan. Sesi syarahan oleh pensyarah adalah seiring dengan nota yang diberikan.

17. Apakah solusi untuk eKandungan yang memaparkan *error flash*?

- eKandungan tersebut perlu melalui proses SCORM dan dimuat naik semula ke HASiLearn mengikut format HTML5.

18. Mengapakah *error flash* ini terjadi?

- Bermula pada 12 Januari 2021, Syarikat Adobe telah memberhentikan perkhidmatan / penggunaan fungsi *Flash Player* dan menyekat kandungan yang menggunakan *Flash*.
- iSpring Presenter 7 berfungsi menggunakan *Flash*. Contohnya pada beberapa menu seperti *Quiz*, *Preview* dan *Customize Player*.

19. Jika saya hendak memuat naik slaid di ruangan eKandungan dalam HASiLearn, adakah fail tersebut perlu menggunakan SCORM?

- Ya. Setiap bahan pembelajaran eKandungan (kandungan interaktif) yang ingin dipaparkan di ruangan *eContent*, ianya perlu dalam bentuk SCORM. Jika bahan tersebut ingin dipaparkan di ruangan *Notes*, ianya tidak perlu dalam bentuk SCORM, seperti slaid PowerPoint, Microsoft Word atau format PDF.

20. Kenapa saya tidak dapat view atau lihat bahan pembelajaran yang terdapat di dalam HASiLearn?

- Selain menggunakan *Internet Explorer* untuk membuka HASiLearn, pegawai boleh menggunakan pelayar web (web browser) yang lain seperti *Chrome* atau *Firefox*.

D. HAL - HAL LAIN

21. Sekiranya kursus kemahiran yang ditawarkan dalam HASiLearn mempunyai tempoh yang lama, adakah pegawai perlu melibatkan diri setiap hari sehingga tempoh kursus tamat?

- Konsep pembelajaran dalam talian adalah pembelajaran sendiri (self-paced learning). Pegawai tidak perlu melibatkan diri setiap hari sehingga tempoh kursus tamat. Walau bagaimanapun pegawai perlu menamatkan kesemua modul dan tugas yang telah dimuat naik ke dalam HASiLearn dalam tempoh yang ditetapkan.

22. Bagaimanakah aduan dan pertanyaan berkenaan HASiLearn dapat disalurkan?

- Semua aduan dan pertanyaan berkenaan HASiLearn boleh dibuat melalui Sistem Meja Bantuan Bersepadu yang boleh diakses seperti berikut:
 1. URL <https://mejabantuan.hasil.gov.my/> > Meja Bantuan e-Pembelajaran
Atau,
 2. Melalui Portal Hasil > Senarai Aplikasi > Sistem Meja Bantuan Bersepadu (SMBB) > Meja Bantuan e-Pembelajaran